



14 SEP, 2020

Malaysia dijangka hasil 443,000 tan durian 2030

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Malaysia dijangka hasil 443,000 tan durian 2030

Unjuran MAFI berdasarkan kawasan tanaman 72,536 hektar

Raub: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjangkakan pengeluaran durian negara meningkat kepada 443,000 tan menjelang 2030 berbanding 384,170 tan pada 2019.

Setiausaha Bahagian Pemasaran dan Eksport MAFI, Khalid Ibrahim, berkata unjuran itu berdasarkan saiz kawasan tanaman durian negara seluas 72,536 hektar pada 2019.

Katanya, Pahang, Johor dan Sarawak adalah penyumbang utama pengeluaran durian negara dengan Pahang menghasilkan 89,916

tan, Johor (87,838 tan) dan Sarawak (34,650 tan).

"Raub, Pahang adalah pusat pengeluaran utama durian bagi varieti Musang King. Daerah ini mempunyai 11,201.2 hektar kawasan penanaman durian dan pengeluaran 70,650 tan bernilai RM11.3 bilion.

"Musang King, D24, Duri IOI dan durian kampung adalah varieti popular yang ditanam di Raub," katanya pada Program Durio Tour @Raub 2020 di sini, baru-baru ini.

Mengenai eksport durian, Khalid berkata, lima destinasi



Khalid (tengah) bersama Pengarah Pusat Perkhidmatan Pelajar Malaysia China, Zhang Runxuan (dua dari kiri) dan peserta mendengar taklimat mengenai anak pokok durian di Raub, baru-baru ini.

(Foto BERNAMA)

eksport utama ialah Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, China serta Vietnam dan pada 2018, Malaysia mengeksport 23,381 tan raja buah itu dengan nilai RM118.2 juta.

Mengenai program pelancangan durian atau Durio Tourism, beliau yakin negara mampu merancakkan usaha berkenaan selepas COVID-19 berakhir.

Katanya, kaedah baharu digunakan bagi mempromosi Durio Tourism termasuk menggunakan pempengaruh media sosial yang mempunyai ratusan ribu pengikut.

"Pada Program Durio Tour @Raub 2020, MAFI berkesempatan membawa enam pelajar dari China dan lima pempengaruh serta dua wakil Kedutaan China untuk merasai pengalaman mengenali durian dan kawasan penanaman durian," katanya yang yakini usaha berkenaan dapat mempromosikan Durio Tourism kepada pelawat China.

Sementara itu, Pengarah Kanan Galakan Pasaran FAMA, Rosilawati Abu Hassan, berkata program itu dapat memberikan kesan positif terhadap permintaan durian sejuk beku di China, sekali gus meningkatkan nilai eksportnya.

Beliau berkata, bagi memastikan kesegaran buah sepanjang perjalanan ke China, varieti Musang King yang berkualiti tinggi dibawa terus dari dusun ke kilang dan diproses pada hari sama.

Selepas diproses, buah itu dibungkus dengan kaedah pek vakum sebelum diletakkan di bilik sejuk beku bersuhu -18 darjah Celsius.

"Di bilik sejuk beku ini, durian boleh bertahan sehingga enam bulan," katanya.

BERNAMA



Peserta Program Durio Tour @Raub 2020 di Dataran Durian Raub, baru-baru ini.

(Foto BERNAMA)



14 SEP, 2020

Malaysia dijangka hasil 443,000 tan durian 2030

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Unjuran MAFI berdasarkan kawasan tanaman 72,536 hektar

Raub: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjangkakan pengeluaran durian negara meningkat kepada 443,000 tan menjelang 2030 berbanding 384,170 tan pada 2019. Setiausaha Bahagian Pemasaran dan Eksport MAFI, Khalid Ibrahim, berkata unjuran itu berdasarkan saiz kawasan tanaman durian negara seluas 72,536 hektar pada 2019. Katanya, Pahang, Johor dan Sarawak adalah penyumbang utama pengeluaran durian negara dengan Pahang menghasilkan 89,916 tan, Johor (87,838 tan) dan Sarawak (34,650 tan).